

## **PERMOHONAN PAS MEDIA PRU-14**

### **PERHATIAN KEPADA SEMUA PENGAMAL MEDIA.**

Permohonan untuk mendapatkan Pas Media SPR bagi tujuan menjalankan tugas liputan semasa Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) di buka mulai **2 April 2018**. Borang permohonan boleh dimuat turun di laman web [www.spr.gov.my](http://www.spr.gov.my) mulai sekarang.

Bagi pengamal media di peringkat negeri, permohonan boleh dikemukakan terus kepada Penyelaras Media, Pejabat Pilihan Raya di Negeri-Negeri berkenaan. Manakala bagi pengamal media di Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur boleh mengemukakan permohonan ke Ibu Pejabat SPR di Putrajaya.

**Tarikh Tutup Permohonan : Sehari Sebelum Hari Penamaan Calon.**

Setiap permohonan **HENDAKLAH** memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Syarat-syarat yang perlu dipenuhi seperti berikut:

1. Diisi dan ditandatangani sendiri oleh pemohon.
2. Diperakui/disahkan oleh majikan/ketua pengarang/ketua biro
3. Permohonan perlu disertakan;
  - i. Dua (2) keping gambar bersaiz pasport.
  - ii. Satu salinan kad pengenalan atau passport.
  - iii. Satu salinan kad perakuan media yang dikeluarkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia. (*Pastikan tidak tamat tempoh sah*)
  - iv. Satu salinan kad agensi media

Permohonan yang tidak memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan **TIDAK AKAN DILAYAN.**

Sekian dan harap maklum.

Unit Komunikasi Korporat (UKK)  
Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia